

BAGAIMANA AJARAN SESAT TUMBUH DAN BERKEMBANG

12/4/84

SELURUH masyarakat Malaysia terperanjat dan terpegun apabila kertas putih dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam di Parlimen yang mendedahkan kegiatan pelampau-pelampau agama termasuk penyebarnya ajaran sesat baru-baru ini.

Rencana ini cuba membuat sorotan ringkas terhadap taktik-taktik penyebaran ajaran-ajaran sesat di Malaysia yang bercambah seperti cendawan tumbuh akhir-akhir ini, iaitu bagaimanakah ajaran itu berkembang. Di antara taktik tersebut adalah seperti berikut:

- Penyebar-penyebar ajaran sesat akan membuat kajian yang rapi kepada alam sekitar, latar belakang dan segala yang berkaitan dengan seseorang yang hendak disesatkannya.

Andainya mereka dapat jarum halus dan tipu helah mereka dapat menewaskan seseorang yang hendak dipengaruhi, baharulah proses penyebaran ajaran sesat itu dilakukan.

Sebaliknya jika mereka dapat bahawa orang yang hendak dipengaruhi itu terlalu kuat iman dan tinggi ilmu pengetahuannya, jarang sekali percubaan penyebaran ajaran sesat itu dilakukan ke atasnya.

- Sesiaapa juga yang dijadikan mangsa ajaran sesat itu, ajaran tersebut diajarkan secara rahsia tanpa disedari oleh sesiaapa juga kecuali guru ajaran sesat dan mangsanya.

Sumpah taat setia antara guru dengan orang yang disesatkan diajukan, di mana ia berjanji tidak akan menceritakan kepada orang lain. Biar pecah di perut, jangan pecah di mulut. Konsep rahsia ini kononnya diasaskan kepada ayat Al-Quran yang berlaksud:

"Dan ketika Kami mengambil perjanjian dari Nabi-Nabi dan dari kamu sendiri dan Nuh, Ibrahim, Musa dan Isa putera Maryam dan Kami telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh" (Surah Al-Ahzab):

- Mereka juga bergaul mesra dan memahami apakah keperluan seseorang yang hendak disesatkan. Andainya seseorang atau sesuatu masyarakat menghormati orang-orang alim, warak dan zuhud, mereka gunakan cara ini untuk mendapatkan penghormatan dan kepercayaan orang ramai sebelum menyesatkan mereka kemudian.

● Langkah yang selanjutnya ialah menimbulkan keraguan dan was-was syaitan terhadap kesucian ajaran Islam. Terutama ajaran zahir. Ditambah dengan persoalan pengertian daripada huruf-huruf Al-Quran dan sebagainya.

Semangat bencikan Rasulullah S.A.W. dengan mengantikkan kecintaan kepada Adam A.S. dan sebagainya atau wali-wali yang termasyhur ditutamkan, hingga mangsa-mangsananya benar-benar ragu dan keliru serta hilang


Oleh
Mustafa
Haji Daud

UNIVERSITI
UTARA
MALAYSIA

Kubur lama dijadikan Kaabah

JOHOR BAHRU 3 April - Sebuah kubur lama di Jalan Kempas berhampiran Hospital Permai di sini telah dianggap sebagai Kaabah oleh sekumpulan pengikut ajaran sesat yang diketuai oleh pengarang buku agama dari Singapura, Syed Mohd. Harith Busu.

Mahkamah diberitahu, kubur tersebut dibina seperti rumah dan dijaga dengan rapi dan berkeadaan bersih.



KERATAN akbar Utusan Malaysia keluaran 4 April 1984 yang menceritakan dan menunjukkan gambar kubur berumur yang didakwa dijadikan kaabah oleh pengikut-pengikut ajaran salah di Jalan Kempas, Tempoh...

kepercayaan kepada diri sendiri dan ilmu Islam yang mereka ketahui selama ini. Justeru itu mereka terpaksa menerima ajaran sesat selanjutnya daripada guru tersebut, kononnya untuk mempelajari ilmu isi yang sebenarnya.

● Guru ajaran sesat sentiasa mengawasi agar orang-orang yang telah disesatkan itu tidak akan berpaling tada dengan memberikan penjelasan yang berterusan bagi memperkuatkan kepercayaan yang sesat itu dari masa ke semasa. Keraguan terhadap kebenaran ajaran Islam yang sebenar, sentiasa dipertingkatkan dengan memutarbelikan lagi ajaran Islam.

Prinsip-prinsip ajaran sesat itu disampaikan dalam bentuk saduran dengan ajaran Islam. Topeng yang digunakan itu amat lojik dan berkesan hingga kepaluan ajaran sesat tidak dapat dilihat lagi. Yang kelihatan hanyalah kebenaran semata-mata.

Mereka terperanjat apabila mereka dikatakan belum Islam dengan alasan-alasan yang bernas

dan Islam yang sebenarnya oleh ajaran sesat itu tadi. Justeru itu ajaran Islam yang sebenarnya mula menjadi kabur dan palsu belaka kepada mereka.

● Setelah orang-orang yang disesatkan itu benar-benar telah sesat dan tidak mungkin berpaling tada, baharulah ajaran sesat yang sebenarnya disampaikan. Misalnya dipersembahkan konsep nikah batin, di mana guru ajaran sesat dapat memuaskan nafsu syahwatnya dengan melakukan hubungan seks dengan setiap bakal isteri seseorang yang hendak nikah dan isteri-isteri orang-orang yang telah menjadi pengikut-pengikutnya. Zikir-zikir tertentu disertakan dalam upacara itu dan yang lahir dari perbuatan zina itu dinamakan anak yang soleh.

● Ibadat yang difardukan oleh Islam yang sebenarnya, secara beransur-ansur dikurangkan sehingga tidak perlu lagi dikerjakan. Mencukupi sekadar mengerjakan beberapa amalan tertentu

yang ditentukan oleh ajaran sesat itu. Akhirnya keseluruhan ibadat yang difardukan oleh Allah S.W.T. terus dilupakan dan digantikan dengan amalan sesat.

● Ada di antara ajaran sesat yang menggunakan ilmu sihir dan ilmu kebatinan yang cukup kuat sehingga dapat mempengaruhi pengikut-pengikutnya untuk melakukan apa sahaja yang diperintahkan oleh guru ajaran sesat sehingga ketulusan darah yang terakhir. Sebab itulah ada di antara pengikut ajaran sesat sanggup mengorbankan nyawa untuk menegakkan ajaran sesat yang disampaikan oleh guru tersebut.

● Konsep Imam Mahdi sering diprjudikan sebagai alasan untuk memberikan ajarannya. Oleh kerana luasnya pengaruh konsep Imam Mahdi yang bakal lahir ke dunia di akhir zaman kelak, golongan ajaran sesat mengambil kesempatan untuk memperalatkan konsep tersebut untuk memenuhi cita-cita mereka.

Lebih-lebih lagi faktor-faktor alam sekitar umat Islam kini sememangnya telah memenuhi syarat-syarat kemunculan Imam Mahdi. Sebab itulah ia sering mendapat sambutan yang hangat di kalangan pengikut ajaran sesat.

● Taktik penyebaran ajaran sesat juga mencontohi method dakwah Islamiah yang

Mereka berjaya melancarkan keganasan 12/4/84 apabila cuba dibendung oleh masyarakat atau pihak berkuasa

peringkat rahsia, peringkat hijrah, terus tereng atau jihad. Biasanya di peringkat pertama ajaran sesat disebar secara bersembunyi-sembunyi hingga ia telah berjaya mempengaruhi sebahagian besar daripada pengikut-pengikutnya.

Peringkat hijrah atau kedua bermula apabila ajaran sesat itu diketahui umum dan mereka menghadapi pemuluan masyarakat. Taktik hijrah dipergunakan sebagai alasan bahawa Rasulullah S.A.W. sendiri menghadapi tentangan masyarakat Jahiliah kerana benda menyebarkan ajaran Islam.

Begitu juga halnya mereka mula meninangkan diri di dalam kumpulannya sahaja dengan cara yang tersendiri.

Peringkat ketiga bermula apabila ia merasakan cukup kuat untuk menghadapi cabaran masyarakat. Justeru itu pengikut-pengikut ajaran sesat mula berani mencabar masyarakat sekeliling dan sanggup menghadapi apa sahaja kemungkinan walaupun menumpahkan darah. Inilah peringkat jihad seperti mana yang difahamkan oleh pengikut-pengikut ajaran sesat. Jihad mereka adalah sama sahaja seperti mana yang difahamkan oleh umat Islam yang lain, iaitu menumpukan segala daya usaha yang ada hingga ketitisan darah yang terakhir adalah perjuangan suci bagi menegakkan ajaran sesat yang dianggap benar oleh mereka.

Oleh kerana licin dan rapinya taktik ajaran sesat ini, perkembangan biasanya dapat dikesan apabila ia telah berada di tahap yang ketiga. Sebab itulah mereka berjaya melancarkan keganasan apabila cuba dibendung oleh masyarakat atau pihak berkuasa.